




BIODATA RINGKAS

Dikenali sebagai: Al-Khindi.

Nama sebenar: Abu Yusuf Yaqub Ibn Ishaq Al-Khindi.

Tempat dilahirkan: Kufa, Iraq.

Pendidikan: Bermula di Kufa, kemudiannya di Basrah dan akhirnya di Baghdad.

Al-Kindi merupakan seorang pakar dari pelbagai bidang pemikiran yang berbeza. Beliau merupakan pakar dalam muzik, falsafah, astronomi, perubatan, geografi, dan matematik. Selama hayat beliau, beliau dianggap sebagai ahli falsafah Muslim yang paling terkenal. Salah satu daripada matlamat utama falsafahnya adalah untuk mengabungkan kesesuaian antara falsafah dan teologi alam di sebelah dan teologi spekulatif.